


# Muzium Warisan Melayu UPM angkat jati diri bangsa



Rumah tradisional Tok Tonso yang dipindahkan ke UPM

**S:** Bolehkah Dr ceritakan sedikit mengenai latar belakang penubuhan muzium ini?

**J:** Muzium Warisan Melayu UPM ditubuhkan pada Jun lalu dan sejak itu, kerja pengubahsuaian infrastruktur asas bangunan di FBMK untuk dijadikan muzium terus dijalankan.

Kini, kami sedang menunggu kelulusan pihak insurans sebelum memasukkan semua artifak ke muzium ini, awal bulan depan, dengan mengkategorikannya kepada empat bahagian pameran, iaitu busana dan tekstil Melayu, manuskrip Melayu yang menjadi fokus muzium, senjata tradisional Melayu serta rumah Melayu lama.

Idea penubuhan muzium ini dicetuskan oleh Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramli, yang mengumumkannya sewaktu berucap di depan kakitangan bersempena dengan 100 hari meneraju universiti ini.

Beliau menyatakan bahawa penubuhan muzium ini menjadi antara visinya di UPM supaya pameran itu dapat memperlihatkan kebiasaan orang Melayu. Selain itu, muzium juga penting kerana mengangkat jati diri orang Melayu berikutnya kini ramai yang lupa perihal jati diri dan asal usul, justeru muzium ini akan bertindak sebagai tempat menyimpan khazanah warisan bangsa untuk dikongsi bersama.

UPM memperuntukkan RM1.3 juta untuk pengubahsuaian bangunan, pengumpulan artifak serta pemuliharaan rumah tradisional Pembesar Istana

Negeri Sembilan, Datuk Raja Diwangsa, Muhammad Yunus Jabar atau lebih dikenali dalam kalangan masyarakat setempat dengan gelaran 'Tok Tonso' yang didirikan di sebelah FBMK.

**S:** Bolehkah Dr terangkan mengenai proses pemindahan rumah lama ke UPM ini?

**J:** Rumah ini mengambil masa tiga bulan untuk dipulihara dan dibina semula selepas memindahkannya dari Negeri Sembilan. Kami membuka rumah itu berdasarkan lima bahagiannya, iaitu anjung, serambi, induk, kelek anak dan loteng.

Kita tanda menggunakan kaedah nombor sebelum menanggalkan kayu dan mengumpulkannya mengikut lima bahagian terbabit

supaya tidak bercampur aduk bagi memudahkan proses pemasangannya semula.

Naib Canselor merancang membina Perkampungan Budaya Melayu yang menempatkan tiga rumah Melayu tradisional dan akan menjadi sebahagian pakej muzium ini.

Minggu ini, kami akan ke Perak untuk memindahkan sebuah Rumah Kutai bagi mewakili seni bina rumah orang Melayu utara, ke sebelah Rumah Tok Tonso yang mewakili rumah dari selatan. Bagi sebelah Pantai Timur pula, kami akan memindahkan sebuah rumah dari Kelantan.

**S:** Mengapa artifak manuskrip Melayu menjadi fokus utama UPM dalam pameran Muzium

Penubuhan muzium di universiti mungkin perkara yang masih baharu di negara ini, namun di Barat, kewujudannya sinonim dengan perkembangan sejarah sesebuah institusi pengajian tinggi (IPT). Ikuti perkongsian Pengarah Muzium Warisan Melayu, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Muhammad Pauzi Abd Latif, mengenai penubuhan muzium di Fakulti Bahasa Modern dan Komunikasi (FBMK) universiti itu dengan wartawan Varsity,

BASIR ZAHROM.



## Warisan Melayu ini:

**J:** Jika kita mahu melihat kehebatan tamadun Mesir, mereka ada meninggalkan piramid dan sphinx, manakala China mempunyai Tembok Besar China, justeru sekiranya ingin melihat kehebatan ilmu Melayu, perkara ini terdapat dalam manuskripnya.

Manuskrip Melayu lama bukan saja dipamerkan di Barat, malah menjadi rujukan sarjana di sana, sebagai contoh di University of Oxford yang menjadikannya bahan rujukan untuk tesis dan kertas kerja dalam membuat kajian mengenai Melayu.

Menyedari hal itu, kita cuba menjadikan muzium ini sebagai pelopor pusat rujukan manuskrip Melayu dalam kalangan IPT awam

**"KITA CUBA MENJADIKAN MUZIUM INI SEBAGAI PELOPOR PUSAT RUJUKAN MANUSKRIP MELAYU DALAM KALANGAN IPT AWAM"**

(IPTA) di Malaysia. Kami setakat ini berjaya mengumpulkan lebih 100 manuskrip Melayu lama yang berharga kira-kira RM500,000.

Kami mencari, membeli dan menerima sumbangan daripada masyarakat dalam usaha mengumpulkan manuskrip Melayu dari seluruh pelosok tanah air. Ada yang menyimpan manuskrip berkenaan secara turun-temurun, namun menyerahkannya kepada kami kerana memerlukan penjagaan sensitif.

Lebih mudah menjaga keris sebab diperbuat daripada besi berbanding manuskrip ditulis pada kertas atau kain yang memerlukan suhu sesuai kerana akan hancur jika terlalu panas atau berkulat jika lembap.

Manuskrip yang ada di sini terbahagi kepada beberapa genre, iaitu agama (paling

banyak), hukum (undang-undang), sains (termasuk matematik dan perubatan), azimat (ilmu Melayu tradisional), astronomi (menentukan arah bulan bintang, arah kiblat ketika belayar) dan sastera.


Sebuah nazam (sastera) menjadi antara koleksi manuskrip paling lama dan istimewa di muzium ini kerana ditulis pada abad ke-16, tahun 1122 Hijrah, selain manuskrip persenjataan Melayu ditulis seorang ulama dari Kelantan, Tok Pulai Chondong yang juga merupakan tukang buat keris.

**S:** Apakah keistimewaan yang bakal dinikmati warga UPM, terutama pelajar apabila muzium ini lengkap sepenuhnya nanti?

**J:** Kemasukan ke muzium ini percuma. Warga UPM juga boleh menjadikan manuskrip di muzium ini sebagai rujukan kertas kerja, tesis, penyelidikan atau penerbitan mereka.

Selain itu, kami akan mewujudkan program kokurikulum kesukarelawanan muzium. Pelajar UPM yang berminat boleh menjalankan bakti siswa di Muzium Warisan Melayu sebagaimana sudah dibincangkan dengan Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar universiti ini.

Mereka akan menjalankan kegiatan mencari, mengumpul dan memuliha artifak, menjadi pemandu pelancong, menyertai aktiviti kebudayaan anjuran muzium, selain menjaga muzium.



Peralatan tradisional di Rumah Tok Tonso.